

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>3.2.1.4</b>            Mengadakan forum konsultatif, bengkel, seminar dan dialog mengenai punca-punca keganasan berasaskan gender termasuk penyalahgunaan dadah dan pengaruh alkohol.</p>	2009-2010	Pengetahuan dan keupayaan wanita bagi mencegah keganasan berasaskan gender meningkat.	
		<p><b>3.2.1.5</b>            Mengadakan latihan/kursus khusus dalam bidang pencegahan keganasan untuk kaum lelaki seperti kem kesihatan, bengkel, forum, debat dan khutbah agama.</p>	2009-2010	Bilangan lelaki yang memahami impak negatif keganasan terhadap wanita meningkat.	

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
		<p><b>3.2.1.6</b>            Memasukkan komponen mengenai kegunaan rumah tangga dalam kurikulum kursus pra perkahwinan.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Kes-kes rumah tangga berkurangan.</p>	

## Objektif

### 4. Memperluaskan sistem sokongan sosial bagi mangsa keganasan berasaskan gender.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>4.1</b> Meningkatkan perkhidmatan sokongan sosial yang berkesan bagi mangsa keganasan berasaskan gender termasuk mangsa penyalahgunaan dadah dan pengaruh alkohol.</p>	<p><b>4.1.1</b> Meningkatkan kepakaran dalam menangani keganasan berasaskan gender.</p> <p><b>4.1.2</b> Memantap dan memperluaskan perkhidmatan sokongan sosial.</p>	<p><b>4.1.1.1</b> Menambah kakitangan komited, berkepercayaan dan berkemahiran.</p> <p><b>4.1.2.1</b> Melaksanakan aktiviti perkhidmatan sokongan seperti kaunseling, bimbingan, perindungan dan pemulihan.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Mangsa keganasan berasaskan gender dikendalikan selaras dengan piawaian yang ditetapkan.</p> <p>Sekurang-kurangnya 60% daripada kes yang dirujuk untuk mendapat perkhidmatan sokongan sosial berjaya diselesaikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPW</li> <li>• JKM</li> <li>• ISM</li> <li>• KPT</li> <li>• KKM</li> <li>• PDRM</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>4.1.3</b> Meningkatkan bilangan pusat perkhidmatan sokongan mangsa keganasan berasaskan gender.</p>	<p><b>4.1.2.2</b> Mengkaji semula dan menyelaraskan SOP antara agensi.</p> <p><b>4.1.2.3</b> Mengadakan sesi dialog <i>diciplinary/inter-agency</i> dan NGO.</p> <p><b>4.1.3.1</b> Menyediakan Pusat Khidmat Sepadu (OSCC) yang memberi kemudahan untuk mangsa keganasan berasaskan gender mendapat khidmat nasihat, kaunseling, membuat laporan, mendapatkan rawatan, rujukan dsb.</p>	<p>2009-2013</p> <p>2009-2013</p> <p>2009-2013</p>	<p>Pengendalian kes keganasan berasaskan gender lebih berkesan dan menepati piawaian.</p> <p>Program-program menangani keganasan berasaskan gender dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p> <p>Pusat Khidmat Sepadu di peringkat daerah diwujudkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• JKM</li> <li>• JPW</li> <li>• LPPKN</li> <li>• PDRM</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>4.1.3.2</b> Menambahkan bilangan rumah perlindungan bagi mangsa keganasan berasaskan gender.</p>	2009-2013	Perindungan kepada mangsa keganasan berasaskan gender dapat ditingkatkan.	

## Objektif

### 5. Pemulihan mangsa keganasan berasaskan gender.

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>5.1</b> Memastikan mangsa keganasan berasaskan gender pulih seperti sedia kala.</p>	<p><b>5.1.1</b> Menyediakan perkhidmatan pemulihan.</p>	<p><b>5.1.1.1</b> Meningkatkan kemahiran khas kakitangan di institusi pemulihan, rumah perlindungan dll.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Proses pemulihan mangsa dikendalikan dengan lebih berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• JPW</li> <li>• JKM</li> <li>• ISM</li> <li>• Institusi penyelidikan</li> <li>• IPT</li> <li>• NGO</li> </ul>
	<p><b>5.1.1.2</b> Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam teknik-teknik pemulihan.</p>		<p>2009-2013</p>	<p>Sekurang-kurangnya 30% mangsa keganasan berasaskan gender dapat kembali menjalani kehidupan normal.</p>	

## Objektif

### 6. Mengetahui dan memulihkan pesalah laku kes keganasan terhadap wanita termasuk pesalah berulang (*repeat offenders*).

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>6.1</b> Mengetahui pasti pesalah laku kes keganasan berasaskan gender.</p>	<p><b>6.1.1</b> Membangunkan sistem maklumat bagi pengesanan pesalah laku.</p>	<p><b>6.1.1.1</b> Mengemas kini data pesalah laku untuk merangka program intervensi.</p> <p><b>6.1.1.2</b> Mewujudkan peraturan mewajibkan pendaftaran pesalah laku.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2015</p>	<p>Program intervensi yang dilaksanakan lebih berkesan.</p> <p>Satu maklumat berupaya pesalah keganasan berasaskan gender dibangunkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KDN</li> <li>• JKM</li> <li>• PDRM</li> <li>• Institusi penyelidikan IPT</li> <li>• Institusi keagamaan NGO</li> </ul>

<p><b>6.2</b> Memulihkan pesalah keganasan berasaskan gender.</p>	<p><b>6.2.1</b> Menyediakan khidmat pemulihan.</p>	<p><b>6.2.1.1</b> Meningkatkan kemahiran kakitangan di institusi pemulihan dan pusat perkhidmatan sokongan.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Program pemulihan pesalah keganasan berasaskan gender dirangka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KDN</li> <li>• KPWKM</li> <li>• NGO</li> </ul>
		<p><b>6.2.1.2</b> Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan teknik-teknik pemulihan.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Sekurang-kurangnya 20% pesalah laku keganasan berasaskan gender dipulihkan.</p>	



# WANITA DAN KESIHATAN



## V. WANITA DAN KESIHATAN

Taraf kesihatan wanita di Malaysia pada keseluruhannya adalah membanggakan hasil daripada sistem kesihatan yang berkesan dan setanding dengan negara maju. Jangka hayat ketika lahir bagi wanita yang merupakan petunjuk taraf kesihatan meningkat daripada 74.7 tahun pada tahun 2000 kepada 76.5 tahun pada tahun 2007. Kadar kematian ibu mengandung wanita juga kekal rendah pada 0.3 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tempoh yang sama.

Bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan wanita, penekanan perlu diberikan kepada isu-isu kesihatan masa kini yang dihadapi oleh wanita. Bilangan wanita yang dijangkiti HIV meningkat daripada 481 orang pada tahun 2000 kepada 745 orang pada tahun 2007. Dalam tempoh yang sama, peratusan wanita yang dijangkiti HIV berdasarkan kes yang dilaporkan juga meningkat daripada 9.4 peratus kepada 16.4 peratus.

Penggalakan dan pencegahan kesihatan harus diberikan penekanan bagi mempertingkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup wanita. Justeru, pendekatan holistik dan kreatif perlu dipertingkatkan termasuk keperluan penjagaan kesihatan sepanjang hayat.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### SEKTOR: WANITA DAN KESIHATAN

#### Objektif

1. Membudayakan konsep penjagaan diri, pencegahan penyakit dan perawatan diri di kalangan wanita.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
1.1 Mempertingkatkan kesedaran di kalangan wanita dan ahli keluarga termasuk kaum bapa tentang pentingnya kesejahteraan kesihatan, pencegahan	1.1.1 Meningkatkan usaha pendedahan secara berterusan melalui promosi kesihatan termasuk pendidikan kesihatan secara formal dan tidak formal bermula	1.1.1.1 Mengkaji pendekatan keberkesanan mempromosi kesejahteraan kesihatan ( <i>wellness</i> ) kesihatan reproduktif wanita.	2009-2010	Program-program kesejahteraan kepada wanita lebih berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• LPPKN</li> <li>• JPW</li> <li>• JKM</li> <li>• KPKK</li> <li>• KBS</li> <li>• AADK</li> <li>• ILIM</li> <li>• Badan-badan</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
penyakit dan perawatan diri.	dari peringkat kanak-kanak.	<p><b>1.1.1.2</b> Mencadangkan langkah-langkah baru yang lebih efektif termasuk kesedaran penggunaan produk kesihatan dan rawatan/pembedahan kecantikan yang boleh mendatangkan kemudatan.</p> <p><b>1.1.1.3</b> Meningkatkan pengetahuan tentang pendedahan kepada bahan kimia terutama ke atas wanita mengandung dan kanak-kanak.</p>	2009-2010	Kesedaran di kalangan wanita terhadap keselamatan penggunaan produk kesihatan dan rawatan kecantikan meningkat.	agama • NGO
		<p><b>1.1.1.3</b> Meningkatkan pengetahuan tentang pendedahan kepada bahan kimia terutama ke atas wanita mengandung dan kanak-kanak.</p>	2009-2010	Kepekaan wanita tentang bahaya bahan kimia ke atas wanita mengandung dan kanak-kanak meningkat.	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.4</b> Mempromosikan penjagaan kesihatan sepanjang hayat (<i>life long health</i>) termasuk penekanan dari aspek pemakanan berkhasiat dan seimbang serta mengambil kira perspektif agama.</p> <p><b>1.1.1.5</b> Meningkatkan pengetahuan wanita tentang penjagaan kesihatan untuk anak bermula dari peringkat awal termasuk penyusuan bayi dan penjagaan kesihatan untuk keluarga seperti mengamalkan gaya hidup sihat.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2015</p>	<p>Bilangan wanita yang menjalani pemeriksaan kesihatan meningkat sebanyak 5% pada setiap tahun.</p> <p>Amalan gaya hidup sihat di kalangan keluarga meningkat.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.6</b>            Mengadakan program-program kesedaran untuk wanita mengenai bahaya menghisap rokok, penyalahgunaan dadah dan pengambilan alkohol.</p>	2009-2015	Bilangan wanita yang menghisap rokok, menyalahgunakan dadah mengambil alkohol berkurangan.	
		<p><b>1.1.1.7</b>            Mengadakan analisis dan kajian termasuk pandangan terhadap penjagaan pencegahan penyakit dan perawatan diri melalui seminar dan kursus singkat.</p>	2009-2015	Amalan pencegahan penyakit meningkat di kalangan masyarakat.	

## Objektif

2. Memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita, berkualiti dan mampu bayar bagi wanita di seluruh pelusuk negara.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>2.1</b> Meningkatkan sistem penyampaian (<i>delivery system</i>) perkhidmatan kesihatan yang mudah akses, mampu biaya mesra dan wanita.</p>	<p><b>2.1.1</b> Mengadakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dan mesra wanita dari segi aksesibiliti dan profesionalisme.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Mengkaji menganalisis perkhidmatan kesihatan yang sedia ada.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Membina dan menambah baik prasarana kesihatan termasuk klinik ibu dan kanak-kanak dan hospital wanita.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Keberkesanan perkhidmatan kesihatan sedia ada dapat ditingkatkan.</p> <p>Akses kepada perkhidmatan kesihatan ditingkatkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• KKR</li> <li>• MOF</li> <li>• JPA</li> <li>• KPT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• LPPKN</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> <li>• PDRM</li> <li>• MAMPU</li> <li>• IPTA</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>



Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>2.1.1.3</b> Memperkukuhkan perkhidmatan OSCC (Pusat Khidmat Sepadu untuk pengurusan kekeganasan dan penderaan wanita dan kanak-kanak) di hospital kerajaan.</p>	2009-2010	Perkhidmatan pengurusan kes penderaan dan kekeganasan di OSCC meningkat.	
		<p><b>2.1.1.4</b> Menerapkan penghayatan mesra wanita dalam sistem pendidikan dan pengurusan kesihatan.</p>	2009-2010	Kepekaan dan kesedaran pegawai kakitangan perubatan terhadap wanita meningkat.	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>2.1.1.5</b> Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan berkaitan perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita.</p> <p><b>2.1.1.6</b> Mempertingkatkan kualiti dalam pengurusan rawatan ibu mengandung bagi mengurangkan komplikasi.</p> <p><b>2.1.1.7</b> Mengadakan sistem perkhidmatan seperti <i>fast lane, flexible clinic time</i> dan bilik rawatan yang mesra wanita untuk wanita</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita diamalkan secara meluas.</p> <p>Kadar mortaliti ibu bersalin berkurangan.</p> <p>Kemudahan untuk mendapat perkhidmatan kesihatan bagi wanita, OKU dan warga emas</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p>yang memerlukan contohnya warga emas, OKU dan wanita mengandung.</p> <p><b>2.1.1.8</b> Menambah bilangan sumber manusia yang berkemahiran, profesional dan mesra wanita.</p>	2009-2013	<p>meningkat.</p> <p>Perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mesra wanita meningkat.</p>	
	<p><b>2.1.2</b> Memperluaskan perkhidmatan kesihatan mesra wanita dalam sistem perkhidmatan kerajaan dan bukan kerajaan.</p>	<p><b>2.1.2.1</b> Menubuhkan pusat rehabilitasi wanita.</p> <p><b>2.1.2.2</b> Mengadakan sistem perkhidmatan khusus dan</p>	2009-2013	<p>Bilangan wanita yang mendapat perkhidmatan rehabilitasi meningkat.</p> <p>Satu sistem sokongan kepada</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOF</li> <li>• KKM</li> <li>• KKR</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KDN</li> <li>• PDRM</li> <li>• Institut latihan</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p>mudah akses kepada golongan khas seperti ibu mengandung tanpa nikah dan mengambil kira isu-isu gender.</p>		<p>golongan khas ibu mengandung tanpa nikah diwujudkan.</p>	<p>kesihatan sektor kerajaan dan swasta  <ul style="list-style-type: none"> <li>• NGO</li> </ul> </p>

## Objektif

### 3. Menjamin perawatan profesional yang mesra wanita, berkualiti dan terkini bagi rawatan definitif, penyakit spesifik dan rehabilitasi.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>3.1</b> Memastikan perawatan definitif yang holistik.</p>	<p><b>3.1.1</b> Memantap dan memperluaskan perkhidmatan dan perlindungan wanita yang berkualiti dan mesra wanita dalam penyakit spesifik seperti penyakit kelamin dan HIV/AIDS.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Mengkaji kemungkinan mengadakan perundangan bagi melindungi wanita daripada dijangkiti dan menjadi mangsa HIV/AIDS.</p> <p><b>3.1.1.2</b> Menggalakkan pasangan menjalani ujian saringan HIV pra-perkahwinan.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Perundangan bagi perlindungan terhadap wanita menjadi mangsa HIV/AIDS diwujudkan.</p> <p>Ujian saringan HIV secara menyeluruh.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• AGC</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JAKIM</li> <li>• JPN</li> <li>• Institusi keagamaan</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>3.1.1.3</b> Menambah giat program pendidikan khusus kepada golongan remaja, bakal pengantin, suami isteri dan masyarakat umum tentang penyakit kelamin dan HIV/AIDS.</p>	2009-2010	Keselamin penyakit HIV/AIDS dan berkurangan.	

## Objektif

### 4. Membudayakan penyelidikan dan pengumpulan data (*Research and Data Banking*).

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>4.1</b> Meningkatkan pelaksanaan pengumpulan data dan penyelidikan kesihatan berasaskan pecahan jantina.</p>	<p><b>4.1.1</b> Mewujudkan satu pusat pangkalan data yang menyimpan maklumat tentang kesihatan wanita dan penyelidikan berkaitan isu-isu kesihatan wanita secara holistik (<i>National Women Health Database</i>).</p>	<p><b>4.1.1.1</b> Menyebarakan informasi terkini mengenai kesihatan wanita yang <i>reliable</i> dan boleh dibekalkan kepada masyarakat.</p> <p><b>4.1.1.2</b> Mengemas kini Dasar Kesihatan Negara supaya mengambil kira keperluan dan kepentingan wanita berdasarkan hasil kajian.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Pengetahuan masyarakat mengenai penjagaan kesihatan wanita meningkat.</p> <p>Dasar Kesihatan Negara yang responsif gender diwujudkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM</li> <li>• DOS</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPWKM</li> <li>• ISM</li> <li>• LPPKN</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>4.1.1.3</b> Mengumpul menganalisis data dan maklumat. data dan</p>	2009-2015	Pangkalan data mengenai kesihatan wanita yang komprehensif diwujudkan.	



**WANITA DALAM  
BIDANG PENDIDIKAN  
DAN LATIHAN**



## **VI. WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

Peluang pendidikan dan latihan yang saksama antara lelaki dan wanita membolehkan wanita mencapai kemajuan dalam bidang sosial dan ekonomi. Sehingga kini, taraf pendidikan wanita berada pada tahap yang membanggakan. Enrolmen pelajar wanita di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada tahun 2007 di peringkat diploma ialah 58.2 peratus, peringkat ijazah pertama 61.9 peratus, sarjana 52.9 peratus dan doktor falsafah (PhD) 38.1 peratus.

Bagi memastikan wanita terus berdaya saing, mereka perlu meningkatkan pengetahuan secara berterusan menerusi pendidikan dan latihan sepanjang hayat. Antara kekangan yang dihadapi oleh wanita untuk mendapatkan pendidikan dan latihan sepanjang hayat ialah kekurangan kesedaran wanita mengenai pentingnya pembelajaran sepanjang hayat selain daripada kurangnya sokongan daripada majikan dan ahli keluarga. Selain itu, masalah remaja perempuan yang tidak dapat meneruskan pendidikan akibat terlibat dengan gejala sosial perlu ditangani supaya hak mereka untuk mendapatkan pendidikan tidak dinafikan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi memastikan wanita mendapat pendidikan dan latihan sepanjang hayat seperti berikut:

**PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA**

**SEKTOR: WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

**Objektif**

**1. Menghapuskan buta huruf di kalangan wanita.**

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>1.1</b> Memastikan wanita mempunyai pengetahuan asas.</p>	<p><b>1.1.1</b> Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dengan meningkatkan akses kepada kemudahan pendidikan.</p>	<p><b>1.1.1.1</b> Mengenal kumpulan wanita yang buta huruf dan memberikan pembelajaran asas (membaca, mengira dan menulis).</p> <p><b>1.1.1.2</b> Meningkatkan bilangan pusat-pusat pendidikan dewasa di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kadar literasi di kalangan wanita ditingkatkan daripada 89.5% pada tahun 2007 kepada 91% pada tahun 2010.</p> <p>Bilangan wanita dewasa yang mengikuti pendidikan sepanjang hayat meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KKLW</li> <li>• khususnya KEMAS dan JHEOA</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> <li>• JPW</li> <li>• LPPKN</li> <li>• KPKK</li> <li>• IPT</li> <li>• Media massa</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.3</b>            Mengadakan sistem sokongan (berbentuk bukan kewangan) bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam pendidikan tidak formal termasuk menggemblengkan sumber tenaga pengajar di kalangan masyarakat setempat dan NGO.</p>	2009-2010	Kemudahan akses kepada pendidikan tidak formal dalam komuniti meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sektor swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>
		<p><b>1.1.1.4</b>            Meningkatkan aktiviti kesedaran dan galakan dengan melibatkan media massa dan badan-badan sukarela.</p>	2009-2010	Bilangan wanita yang berminat terhadap pembelajaran sepanjang hayat meningkat.	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.5</b> Memupuk dan membudayakan minat membaca dan menulis termasuk kempen 'one teach one' di kalangan ahli keluarga dan masyarakat.</p>	2009-2010	Program literasi keluarga berkembang luas terutama di kawasan luar bandar.	
		<p><b>1.1.1.6</b> Melibatkan institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta, badan korporat, badan sukarela dan NGO untuk membekalkan alat bantuan mengajar.</p>	2009-2010	Bilangan pusat pembelajaran dalam komuniti di bawah tajaan bertambah.	

## Objektif

### 2. Meluaskan pendidikan dan latihan kemahiran bagi remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>2.1</b> Memastikan remaja perempuan seperti mereka yang mengandung luar nikah, penagih dadah dan kes juvana mendapat peluang pendidikan dan latihan kemahiran sewajarnya.</p>	<p><b>2.1.1</b> Meningkatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran kepada remaja perempuan yang terlibat.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Mengetahui pasti kes-kes dan melaksanakan kajian mengenai remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Meningkatkan kemudahan pembelajaran sepanjang hayat seperti pusat sumber dalam komuniti dan pusat info desa.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Bilangan remaja perempuan yang terlibat dalam masalah sosial yang tidak meneruskan persekolahan berkurangan.</p> <p>Bilangan remaja perempuan yang <i>drop-out</i> mengikut pendidikan tidak formal meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• JKM</li> <li>• KKWL</li> <li>• KPKT termasuk PBT</li> <li>• PDRM</li> <li>• Institusi sosial</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>2.1.1.3</b>            Memberi peluang pendidikan termasuk pendidikan agama/kerohanian dan latihan kemahiran kepada remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial.</p>	2009-2013	Sekurang-kurangnya 50% daripada pelatih institusi pemulihan mendapat pekerjaan pada tahun 2013.	



## Objektif

### 3. Mempromosi pendidikan dan latihan sepanjang hayat.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>3.1</b> Meningkatkan peluang pendidikan dan latihan sepanjang hayat kepada semua lapisan umur wanita.</p>	<p><b>3.1.1</b> Memperluaskan akses dan mampu biaya (<i>affordability</i>) mengikut pendidikan dan latihan sepanjang hayat.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti peluang dan kekangan untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Peluang bagi wanita mendapat kemudahan pembelajaran sepanjang hayat bertambah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KSM</li> <li>• KKLW khususnya KEMAS dan JHEOA</li> <li>• MOA</li> <li>• MITI</li> <li>• Institusi latihan dan penyelidikan yang berkaitan</li> <li>• Agensi-agensi yang</li> </ul>
		<p><b>3.1.1.2</b> Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat mengikut keperluan dan minat serta kecenderungan kumpulan sasaran.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Kemudahan akses wanita kepada program pembelajaran sepanjang hayat mengikut minat meningkat.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>3.1.1.3</b> Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan wanita serta di kalangan majikan, ahli keluarga seperti ibu bapa dan suami.</p>	2009-2010	Kesedaran di kalangan semua lapisan masyarakat tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat meningkat.	berkaitan sektor awam dan swasta <ul style="list-style-type: none"> <li>• Media massa</li> <li>• Badan-badan politik</li> <li>• NGO</li> </ul>
		<p><b>3.1.1.4</b> Meningkatkan sistem sokongan seperti pusat jagaan kanak-kanak bagi menggalakkan wanita mengikuti pendidikan sepanjang hayat.</p>	2009-2010	Bilangan wanita yang mengikuti pendidikan sepanjang hayat meningkat.	

**WANITA DALAM  
BIDANG SAINS  
DAN TEKNOLOGI**



## **VII. WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI**

Dalam usaha kerajaan memperkukuh kemampuan dan keupayaan sains dan teknologi (S&T), pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi mempergiat penyebaran dan aplikasi teknologi, menggalakkan pengkomersilan penyelidikan dan menambah sumber manusia dalam bidang S&T. Justeru, wanita perlu memanfaatkan S&T supaya mereka lebih berdaya saing dan tidak terpinggir dalam arus perdana pembangunan. S&T hendaklah digunakan sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan wanita untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Mengikut Laporan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) wanita yang terlibat sebagai penyelidik meningkat daripada 35.8 peratus pada tahun 2004 kepada 37.7 peratus pada tahun 2006. Bilangan penyelidik wanita ialah seramai 7,162 orang berbanding dengan 11,859 orang lelaki pada tahun 2006.

Dalam usaha merapatkan jurang digital antara gender, akses kepada kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi wanita perlu dipertingkatkan. Penggunaan ICT yang lebih intensif dan meluas hendaklah dimanfaatkan oleh wanita bagi meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup seperti penggunaan e-dagang dan e-Pembelajaran.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan manfaat S&T kepada wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### SEKTOR: WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI (S&T)

#### Objektif

#### 1. Memperkasakan wanita dalam bidang sains dan teknologi.

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<b>1.1</b> Menghapuskan jurang gender dalam bidang S&T.	<b>1.1.1</b> Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang S&T.	<b>1.1.1.1</b> Menggalakkan remaja perempuan menceburi bidang S&T bermula dari peringkat sekolah menengah hingga institusi pendidikan tinggi.	2009-2010	Bilangan remaja perempuan yang menceburi bidang S&T dari peringkat sekolah menengah hingga institusi pendidikan tinggi meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOSTI</li> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• MOF</li> <li>• MITI</li> <li>• IPT</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• Institusi perbankan</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.2</b> Menyemai dan memupuk minat wanita berkecimpung dalam bidang S&amp;T termasuk industri berasaskan S&amp;T.</p>	2009-2010	<p>Lebih ramai wanita yang berminat dan melibatkan diri dalam bidang S&amp;T termasuk industri berasaskan S&amp;T.</p>	
		<p><b>1.1.1.3</b> Mengesan penglibatan dan sumbangan wanita dalam bidang S&amp;T.</p>	2009-2010	<p>Maklumat mengenai penglibatan dan sumbangan wanita dalam bidang S&amp;T diperolehi dan menjadi sumber inspirasi kepada wanita lain.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.1.4</b> Memperluaskan kemudahan seperti khidmat nasihat dan kepakaran bagi memudahkan wanita menceburi bidang-bidang terkini S&amp;T umpamanya nanoteknologi, <i>aerospace</i> dan <i>aeronautic technology</i>, bio-teknologi, <i>bio-medical</i> dan <i>bio-diversity</i>.</p>	2009-2010	<p>Lebih ramai wanita menceburi bidang-bidang terkini S&amp;T seperti nanoteknologi, <i>aerospace</i> dan <i>aeronautic technology</i>, bio-teknologi, <i>bio-medical</i> dan <i>bio-diversity</i>.</p>	
		<p><b>1.1.1.5</b> Menyediakan peluang pelaburan kepada wanita dalam bidang S&amp;T bagi menghapuskan jurang</p>	2009-2013	<p>Jurang gender dalam bidang S&amp;T dikurangkan.</p>	



<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
		gender.			

## Objektif

### 2. Membudayakan S&T dalam kehidupan seharian.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>2.1</b> Menggalakkan anjakan paradigma wanita supaya mengaplikasikan S&amp;T dalam kehidupan seharian.</p>	<p><b>2.1.1</b> Meningkatkan kesedaran daripada peringkat kanak-kanak sehingga dewasa.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Meningkatkan penglibatan media massa dan agensi-agensi pendidikan untuk mempromosikan S&amp;T dan organisasinya berkaitan S&amp;T.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Menonjolkan 'role model' wanita dalam bidang S&amp;T.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kesedaran wanita mengenai S&amp;T meningkat.</p> <p>Penglibatan dan minat wanita dalam bidang S&amp;T meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOSTI</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• Institusi sains dan penyelidikan</li> <li>• Sektor korporat</li> <li>• NGO</li> <li>• Media massa</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>2.1.1.3</b> Mendidik wanita untuk menjadi lebih peka dengan pengaplikasian S&amp;T dalam kehidupan seharian.</p>	2009-2010	Kepekaan wanita dalam bidang S&T dan kadar pengaplikasian S&T dalam kehidupan seharian meningkat.	
		<p><b>2.1.1.4</b> Mengkaji dan mencontohi amalan terbaik dalam pengaplikasian S&amp;T sebagai bidang usaha yang boleh dijadikan peluang yang berpotensi mendatangkan faedah lumayan.</p>	2009-2013	Bilangan wanita yang terlibat dalam bidang S&T meningkat 10%.	

## Objektif

### 3. Mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita menerajui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang S&T.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>3.1</b> Meningkatkan bilangan wanita yang berperanan sebagai peneraju projek R&amp;D dan organisasi dalam bidang S&amp;T.</p>	<p><b>3.1.1</b> Menggalak dan memudahkan penglibatan wanita sebagai peneraju R&amp;D dalam bidang S&amp;T.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Memberikan pendidikan kepekaan gender kepada ketua R&amp;D supaya memberi peluang sama rata kepada wanita untuk turut menjadi ketua R&amp;D seperti kaedah mentor-mentee.</p> <p><b>3.1.1.2</b> Menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan wanita dan</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Bilangan wanita yang menjadi ketua R&amp;D meningkat.</p> <p>Penglibatan wanita dalam R&amp;D dan organisasi dalam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOSTI</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• ISM</li> <li>• KPT</li> <li>• MOF</li> <li>• IPT</li> <li>• Institusi penyelidikan S&amp;T</li> <li>• Institusi perbankan</li> <li>• Agensi lain yang berkaitan</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p>mencadangkan langkah-langkah penyelesaian.</p> <p><b>3.1.1.3</b> Mengadakan latihan dan pendidikan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan untuk menerajui R&amp;D dalam bidang S&amp;T.</p> <p><b>3.1.1.4</b> Menyediakan insentif dan kemudahan kewangan seperti geran khusus untuk projek R&amp;D dalam bidang S&amp;T yang dijalankan oleh wanita.</p>	<p>2009-2015</p> <p>2009-2015</p>	<p>bidang S&amp;T meningkat.</p> <p>Peraturan wanita yang menerajui R&amp;D dalam bidang S&amp;T meningkat.</p> <p>Projek-projek R&amp;D yang diterajui wanita meningkat.</p>	<p>termasuk sektor awam dan sektor swasta</p>

## Objektif

### 4. Peningkatan kecekapan wanita menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>4.1</b> Peningkatan wanita berkebolehan menggunakan ICT dalam kehidupan harian.</p>	<p><b>4.1.1</b> Memperluaskan kemudahan bagi wanita menggunakan ICT.</p>	<p><b>4.1.1.1</b> Meningkatkan latihan kemahiran penggunaan dan pengaplikasian penyelenggaraan.</p> <p><b>4.1.1.2</b> Menggalakkan penubuhan pusat ICT komuniti di taman perumahan dan kawasan bandar dan luar bandar.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Wanita yang berkebolehan menggunakan ICT dalam kehidupan harian meningkat.</p> <p>Akses wanita kepada ICT meningkat di bandar dan luar bandar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOSTI</li> <li>• KPKK</li> <li>• KKWLW</li> <li>• khususnya KEMAS, Pusat Info Desa dan INFRA</li> <li>• KPKT</li> <li>• UPE</li> <li>• MIMOS Berhad</li> <li>• Pusat Sumber</li> <li>• Agensi lain yang</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>4.1.1.3</b> Meningkatkan kefahaman terhadap penggunaan komputer dalam kehidupan harian melalui bengkel, seminar, forum, majlis pembelajaran, kursus dan latihan.</p>	2009-2010	Kefahaman wanita terhadap penggunaan komputer dalam kehidupan harian meningkat.	berkaitan termasuk sektor awam dan swasta • NGO

## Objektif

### 5. Memperluaskan jaringan kerja (*networking*) di kalangan wanita dengan menggunakan ICT.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>5.1</b> Peningkatan jaringan kerja wanita menggunakan ICT.</p>	<p><b>5.1.1</b> Meningkatkan mudah capai wanita terhadap penggunaan ICT.</p>	<p><b>5.1.1.1</b> Mempertingkatkan prasarana untuk penggunaan ICT seperti kiosk, <i>cyber cafe</i> dan pusat ICT komuniti.</p> <p><b>5.1.1.2</b> Meningkatkan jaringan kerja antara kumpulan wanita seperti usahawan, penyelidik, profesional dan ahli akedemik dalam dan luar negeri.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Bilangan wanita yang mendapat akses kepada ICT meningkat.</p> <p>Jaringan kerja antara kumpulan wanita seperti usahawan, penyelidik, profesional dan ahli akademik dalam dan luar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOSTI</li> <li>• KPKK</li> <li>• KKLW</li> <li>• KPKT</li> <li>• AGC</li> <li>• Pusat sumber</li> <li>• Agensi lain yang berkaitan termasuk sektor awam dan swasta</li> <li>• MIMOS Berhad</li> </ul>



Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>5.1.1.3</b> Meningkatkan kecekapan dan integriti perkhidmatan <i>telcos</i> dan <i>service provider</i> melalui penguatkuasaan dan pemantauan peraturan dan perundangan.</p>	2009-2010	<p>negeri meningkat.</p> <p>Kadar penyalahgunaan perkhidmatan <i>telcos</i> dan <i>service provider</i> menurun.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NGO</li> </ul>
		<p><b>5.1.1.4</b> Mengkaji kadar bayaran untuk penggunaan perkhidmatan komunikasi supaya berpatutan dan munasabah.</p>	2009-2010	<p>Penggunaan perkhidmatan komunikasi oleh wanita meningkat.</p>	



# WANITA DAN MEDIA



## VIII. WANITA DAN MEDIA

Kemajuan teknologi telah membolehkan kita mendapat maklumat dari merata dunia dengan cepat. Perkembangan yang pesat ini memberi peluang kepada wanita untuk menyertai bidang komunikasi dan media. Ia juga boleh menyebarkan maklumat yang positif lagi terkini mengenai wanita. Walau bagaimanapun, perkembangan ini juga membawa ancaman baru yang kadangkala negatif kerana ia boleh menjejaskan nilai-nilai murni dan kebudayaan masyarakat kita.

Pemaparan imej wanita yang negatif (maklumat, berita atau gambar yang memperlekeh dan menjatuhkan martabat wanita) secara berterusan dalam media menyebabkan isu-isu diskriminasi terhadap wanita sukar ditangani secara berkesan kerana media mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemikiran, sikap dan sistem nilai hidup masyarakat. Sehingga kini, media masih menunjukkan kecenderungan untuk menonjolkan imej wanita yang negatif. Keadaan ini berbeza dengan hakikat sebenar bahawa wanita di negara ini telah jauh maju ke hadapan dan sumbangan mereka terhadap pembangunan negara wajar digambarkan oleh media.

Pihak media perlu lebih sensitif terhadap isu-isu berhubung kesaksamaan gender dan hak asasi manusia supaya media berperanan memupuk imej yang positif dan sikap menghormati wanita. Justeru, pengamal media perlu mematuhi garis panduan piawaian pemaparan imej wanita dalam media. Di samping itu, perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam organisasi

media, pemilik organisasi media dan lembaga pengawal media perlu dipertingkatkan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan pemaparan imej wanita yang positif dalam media seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### SEKTOR: WANITA DAN MEDIA

#### Objektif

1. Meningkatkan kesedaran pengamal / pemilik media tentang kepekaan gender dan hak asasi manusia.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>1.1</b> Menghapuskan pemaparan imej wanita yang negatif dalam media.</p>	<p><b>1.1.1</b> Meningkatkan kesedaran dan kerjasama tentang peranan media dalam memupuk imej yang positif dan sikap menghormati wanita.</p>	<p><b>1.1.1.1</b> Mengadakan perbincangan bulat peringkat tertinggi dengan organisasi (termasuk TV/radio/filem dan media cetak).</p>	<p>2009-2010</p>	<p>80% daripada organisasi media mempunyai garis panduan dalaman mengenai pemaparan imej wanita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KDN</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> <li>• Sektor swasta dalam bidang media</li> <li>• GAPENA</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>1.1.2</b> Memasukkan perspektif gender dalam modul/ kurikulum institusi pengajian berkaitan dengan media.</p>	<p><b>1.1.1.2</b> Meminda kandungan program dalam media elektronik, cetak, <i>billboard</i>, filem dan iklan.</p> <p><b>1.1.2.1</b> Melahirkan lebih ramai pakar-pakar rujuk gender dalam bidang media.</p> <p><b>1.1.2.2</b> Mengadakan siri latihan / bengkel bagi meningkatkan kepekaan gender.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kandungan dalam media elektronik, cetak, <i>billboard</i>, filem dan memaparkan imej positif wanita.</p> <p>Bilangan pakar rujuk gender dalam bidang media meningkat.</p> <p>Kepekaan gender di kalangan tenaga pengajar meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SWAM</li> <li>• Persatuan-persatuan Penulis</li> <li>• NGO</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> </ul>



Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>1.1.3</b> Meningkatkan bilangan pengamal media yang terlatih dan peka dengan isu gender.</p>	<p><b>1.1.2.3</b> Meneliti dan meminda modul / kurikulum semasa bagi memastikan perspektif gender dimasukkan dalam kurikulum berhubung media di institusi pengajian tinggi.</p>	2009-2013	Perspektif gender dimasukkan dalam modul / kurikulum di 80% daripada institusi pengajian berkaitan dengan media.	
	<p><b>1.1.3.1</b> Meningkatkan bilangan pengamal media yang terlatih dan peka dengan isu gender.</p>	<p><b>1.1.3.1</b> Mengadakan siri latihan kepekaan / analisis gender kepada pengamal media.</p>	2009-2010	Kepekaan gender di kalangan pengamal media meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK khususnya SKMM</li> <li>• KPWKMM</li> <li>• JPW</li> <li>• Lembaga Penapisan Filem</li> <li>• FINAS</li> <li>• IPT</li> <li>• Organisasi</li> </ul>
		<p><b>1.1.3.2</b> Menggunakan pendekatan memujuk bagi meningkatkan kepekaan gender</p>	2009-2010	Kepekaan gender di kalangan pengamal media meningkat.	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>1.1.4</b> Mewujudkan dan mengaktifkan <i>media watch</i></p>	<p>kepada pengamal media.</p> <p><b>1.1.4.1</b> Mengetahui pasti dan mewujudkan jalinan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO yang bergiat sebagai <i>media watch</i>.</p> <p><b>1.1.4.2</b> Meningkatkan <i>media watch</i> berperanan aktif sebagai 'pressure group' dalam isu pemaparan imej negatif wanita.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kes-kes eksploitasi wanita dalam media diketengahkan secara berkesan.</p> <p>Kes-kes eksploitasi wanita dalam media ditangani secara berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• media NGO</li> <li>• JPW</li> <li>• KPKK</li> <li>• SKMM</li> <li>• Lembaga Penapisan Filem</li> <li>• KDN</li> <li>• FINAS</li> <li>• NCWO dan NGO-NGO yang berkaitan</li> </ul>

## Objektif

### 2. Meningkatkan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam organisasi-organisasi media / pemilik organisasi media / lembaga-lembaga pengawal media.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>2.1</b> Meningkatkan penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam badan-badan penasihat, pengurusan, penguatkuasaan dan pengawalseliaan media.</p>	<p><b>2.1.1</b> Meningkatkan kesedaran pemilik/pengamal/pengawal/organisasi media.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Mengadakan kajian kedudukan masa kini dengan kerjasama IPTA/IPTS dan menyebarkan hasil kajian.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Mewujudkan pangkalan pengamal wanita berkelayakan peringkat pembuat data media yang di buat</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Sekurang-kurangnya 30% wanita dalam badan-badan penasihat pengurusan, penguatkuasaan dan pengawalseliaan media.</p> <p>Senarai wanita yang layak menduduki jawatan pembuat keputusan tersedia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KPKK</li> <li>• KDN</li> <li>• IPT</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		keputusan.  <b>2.1.1.3</b> Menjalankan program advokasi memberi kesedaran kepada gender pemilik/ pengawal/ organisasi media.	2009-2010	Bilangan ruangan/ program substantif yang dikendalikan oleh wanita bertambah.	

## Objektif

### 3. Mewujudkan perundangan bagi menangani pemaparan imej negatif wanita.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>3.1</b> Mengadakan piawaian berkaitan pemaparan imej wanita oleh media massa.</p>	<p><b>3.1.1</b> Mewujudkan garis panduan mengenai pemaparan imej wanita dalam media.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Mengenal pasti peraturan dan dasar sedia ada mengenai pemaparan imej wanita.</p> <p><b>3.1.1.2</b> Mengadakan forum konsultatif antara agensi kerajaan, organisasi media dan NGO.</p> <p><b>3.1.1.3</b> Menggubal syarat - syarat pengeluaran lesen oleh PBT yang</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Satu piawaian kebangsaan berkaitan pemaparan imej oleh media massa diadakan.</p> <p>Isu pemaparan imej negatif wanita dalam media ditangani secara berkesan.</p> <p>Satu piawaian kebangsaan berkaitan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• SKMM</li> <li>• KPWKMM</li> <li>• KDN</li> <li>• KPDKKK</li> <li>• KPKT</li> </ul> <p>khususnya PBT</p>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>3.2</b> Memastikan undang-undang boleh diambil ke atas media massa yang memaparkan imej wanita yang negatif.</p>	<p><b>3.2.1</b> Mengkaji kemungkinan meminda menggubal yang berkaitan dengan massa.</p>	<p>seragam untuk billboard.</p> <p><b>3.1.1.4</b> Mengkaji pemaparan imej wanita dalam katalog-katalog.</p> <p><b>3.2.1.1</b> Mengenal pasti undang-undang berkaitan dengan media massa yang perlu dipinda.</p> <p><b>3.2.1.2</b> Mendapatkan maklum balas agensi kerajaan, organisasi media dan NGO melalui sesi konsultatif.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>pemaparan imej atas billboard diadakan.</p> <p>Pemaparan imej negatif wanita dalam katalog berkurangan.</p> <p>Undang-undang berkaitan media massa dikenal pasti dan dipinda.</p> <p>Cadangan untuk penggubalan undang-undang berkaitan media massa dan wanita disediakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• SKMM</li> <li>• KPWKMM</li> <li>• KDN</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> </ul>

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
		<p><b>3.2.1.3</b> Membuat kajian perbandingan dengan negara-negara lain mengenai perundangan berkaitan dengan pemaparan imej wanita dalam media massa.</p>	2009-2015	Penggubalan undang-undang berkaitan media massa dan wanita disediakan.	

## Objektif

### 4. Meningkatkan kesedaran di kalangan wanita mengenai hak asasi mereka supaya tidak dieksploitasi oleh media termasuk ICT.

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>4.1</b> Mengurangkan eksploitasi terhadap wanita dalam media.</p>	<p><b>4.1.1</b> Meningkatkan pengetahuan wanita mengenai hak asasi mereka.</p>	<p><b>4.1.1.1</b> Mengadakan kempen-kempen kesedaran dan siri ceramah dan seminar mengenai eksploitasi terhadap wanita melalui media.</p> <p><b>4.1.1.2</b> Meningkatkan kesedaran melalui bahan bacaan seperti buku-buku cerita, majalah dan media elektronik.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Tahap kesedaran masyarakat terutama wanita terhadap isu eksploitasi wanita dalam media meningkat.</p> <p>Pemaparan imej negatif wanita dalam bacaan berkurangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• Parti politik</li> <li>• NGO</li> </ul>



Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>4.1.2</b> Meningkatkan kesedaran penerbit, pengaruh dan penulis skrip dan pengamal media untuk menonjolkan imej wanita yang positif.</p>	<p><b>4.1.1.3</b> Mewujudkan portal maya supaya dapat diadakan forum untuk perkongsian isu-isu wanita dalam media.</p> <p><b>4.1.1.2.1</b> Mengadakan kerjasama dan memberi latihan kepekaan gender kepada persatuan-persatuan karyawan seperti SENIMAN dan PAPITA.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Liputan perbincangan mengenai isu-isu wanita lebih meluas.</p> <p>Lebih banyak program-program yang diterbitkan mempunyai unsur positif terhadap isu wanita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• JPW</li> <li>• Persatuan karyawan</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>4.1.3</b> Menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang penulisan bagi memastikan penulisan yang peka terhadap isu keseksamaan gender.</p>	<p><b>4.1.3.1</b> Mengadakan bengkel / forum penulisan dengan menekankan isu gender.</p> <p><b>4.1.3.2</b> Mengiktiraf karya terbaik yang sensitif gender.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Bilangan wanita dalam bidang penulisan bertambah.</p> <p>Lebih banyak penulisan yang peka terhadap isu-isu gender dihasilkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• JPW</li> <li>• KPM</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• khususnya melibatkan Hak Harta Intelektual (IPR)</li> <li>• DBP</li> <li>• GAPENA</li> <li>• SWAM</li> <li>• NGO</li> </ul>

## Objektif

### 5. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penggunaan media elektronik secara beretika.


<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti Umum</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>5.1</b> Menghapuskan penggunaan media elektronik secara tidak beretika.</p>	<p><b>5.1.1</b> Menerapkan penggunaan media elektronik beretika di rumah, sekolah, institusi pendidikan tinggi dan pejabat.</p>	<p><b>5.1.1.1</b> Mengadakan kempen latihan dan</p> <p><b>5.1.1.2</b> Menggalakkan pemantauan di sekolah, institusi pendidikan tinggi dan pejabat.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kes-kes penyalahgunaan media elektronik berkurangan.</p> <p>Tahap masyarakat dalam penggunaan media elektronik meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKK</li> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KKLW</li> <li>• MOSTI</li> <li>• JPW</li> <li>• IPT</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>

## Objektif

### 6. Meningkatkan kesedaran masyarakat dan agensi-agensi yang terlibat tentang potensi media sebagai agen perubahan bagi pembangunan wanita.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>6.1</b> Memanfaatkan sepenuhnya media agen bagi perubahan pembangunan wanita.</p>	<p><b>6.1.1</b> Menggalakkan lebih penulisan dan penerbitan rencana, buku, laman web dan program radio/TV serta filem yang membicarakan topik-topik yang dapat menambah ilmu pengetahuan ke arah pembangunan wanita.</p>	<p><b>6.1.1.1</b> Mengenal pasti penulis-penulis rencana/ penerbit filem/penulis skrip/penulis lirik dan menjadikan <i>media network</i> sebagai rakan kongsi.</p> <p><b>6.1.1.2</b> Menjalankan kajian impak mengenai kesan pemaparan imej negatif wanita kepada masyarakat.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Peratusan radio dan televisyen mengenai pembangunan wanita bertambah pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009.</p> <p>Persepsi dalam masyarakat terhadap wanita berkurangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• Persatuan-persatuan penulis IPT</li> <li>• Media massa</li> <li>• NGO</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• IPT</li> <li>• Media massa</li> </ul>

# **WANITA DAN ALAM SEKITAR**



## **IX. WANITA DAN ALAM SEKITAR**

Wanita berperanan penting dalam usaha menambah baik kualiti alam sekitar melalui pengurusan yang lebih berkesan dalam bidang-bidang utama khususnya kualiti udara dan air, pengurusan sisa pepejal serta penggunaan teknologi bersih. Justeru, keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar perlu dilaksanakan bagi memastikan hak-hak wanita terpelihara.

Wanita juga mempunyai peranan sebagai pengguna lestari sumber asli dalam mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk memperkasakan wanita bagi membolehkan mereka terlibat dalam usaha melindungi dan memulihara alam sekitar serta mengurus sumber asli. Penglibatan wanita yang lebih aktif dalam usaha menambah baik kualiti alam sekitar dapat mengurangkan kesan negatif ke atas wanita.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi membolehkan wanita menyumbang kepada usaha melindungi dan memulihara alam sekitar serta mengurus sumber asli seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### SEKTOR: WANITA DAN ALAM SEKITAR

#### Objektif

1. Pembudayaan amalan / penggunaan lestari (*sustainable consumption*) sumber asli bagi mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
1.1 Membangunkan potensi wanita untuk menjadi pendidik di kalangan ahli keluarga ( <i>home educator</i> ) berhubung isu-isu alam sekitar.	1.1.1 Mengerakkan usaha meningkatkan kesedaran di peringkat tempatan dan kebangsaan.	1.1.1.1 Mengadakan banyak aktiviti meningkatkan kesedaran seperti kempen, latihan, pendidikan dan lawatan.	2009-2010	Kumpulan wanita sebagai pendidik mengenai pengguna lestari diwujudkan di peringkat komuniti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPDNKK</li> <li>• NRE</li> <li>• JAS</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KPKK</li> </ul>



Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
	<p><b>1.1.2</b> Membudayakan amalan penggunaan lestari dengan mengambil kira aspek pembelian terancang dan pengurangan pembaziran sumber.</p>	<p><b>1.1.2.1</b> Mempromosikan kaedah penyediaan dan penggunaan bahan yang boleh dikitar semula dan tidak mencemarkan alam.</p> <p><b>1.1.2.2</b> Menggiatkan kempen pembelian terancang.</p> <p><b>1.1.2.3</b> Menggalakkan pengguna dan pengeluar untuk menjimatkan penggunaan sumber tenaga seperti air,</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Tahap kesedaran terhadap kitar semula meningkat.</p> <p>Kesedaran pembelian terancang meningkat.</p> <p>Kesedaran dan kepekaan terhadap penjimatan penggunaan sumber tenaga di kalangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• KPKT khususnya PBT</li> <li>• ILIM</li> <li>• NGO seperti Persatuan Pengguna, Persatuan Alam Sekitar dan Persatuan Wanita seperti PUSPANITA, BAKAT dan PERKEP</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
<p>1.2. Membangun keupayaan pengguna wanita sebagai pengguna berpengetahuan.</p>	<p>1.2.1 Menerapkan nilai penggunaan lestari dalam program-program latihan dan pendidikan.</p>	<p>elektrik dan bahan api.</p> <p>1.1.2.4 Menggalakkan amalan mesra alam seperti 3R – (<i>reduce, reuse, recycle</i>).</p> <p>1.2.1.1 Menggalakkan perkongsian bestari dengan institusi pendidikan dan latihan bagi menerapkan nilai penggunaan lestari.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>masyarakat terutama wanita meningkat.</p> <p>Amalan mesra alam di kalangan masyarakat meningkat.</p> <p>Lebih banyak program-program peningkatan kesedaran mengenai penggunaan lestari dilaksanakan dengan kerjasama institusi pendidikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• NRE</li> <li>• JAS</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KKLW</li> <li>• KEMAS</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPKT</li> </ul> <p>khususnya</p>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
		<p><b>1.2.1.2</b> Mengalakkan penganjuran latihan tidak mengenai penggunaan lestari terutamanya di peringkat akar umbi.</p> <p><b>1.2.1.3</b> Menyemak semula kurikulum dan kokurikulum mengenai penggunaan lestari yang sedia ada bagi tujuan pemantapan.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Pengetahuan masyarakat mengenai penggunaan lestari meningkat.</p> <p>Kurikulum dan kokurikulum mengenai penggunaan lestari dimantapkan.</p>	<p>PBT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi pendidikan dan latihan</li> <li>• NGO seperti Persatuan Pengguna, Persatuan Alam Sekitar dan Persatuan Wanita</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
<p><b>1.3.</b> Meningkatkan penyelidikan dan inovasi untuk mempraktikkan amalan penggunaan lestari.</p>	<p><b>1.3.1</b> Menggalakkan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (PPI).</p>	<p><b>1.3.1.1</b> Meningkatkan penulisan penerbitan dalam popular dan ilmiah.</p> <p><b>1.3.1.2</b> Meningkatkan penyebaran maklumat secara meluas.</p> <p><b>1.3.1.3</b> Menyediakan pangkalan data dan maklumat yang lebih sistematik.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Akses kepada maklumat berkaitan penggunaan lestari lebih mudah.</p> <p>Pengetahuan dalam mempraktikkan amalan penggunaan lestari meningkat.</p> <p>Satu pangkalan data dan maklumat mengenai penggunaan lestari yang lebih sistematik diwujudkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• MOF</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPT</li> <li>• DOS</li> <li>• Institut Terjemahan Negara</li> <li>• DBP</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
		<p><b>1.3.1.4</b> Membangunkan One-Stop Centre/Portal di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk pengintegrasian jaringan dan rangkaian saluran maklumat.</p> <p><b>1.3.1.5</b> Menyediakan sumber PPI termasuk kewangan, kepakaran dan tenaga manusia yang mencukupi.</p>	<p>2009-2013</p> <p>2009-2015</p>	<p>One-Stop Centre/Portal di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dibangunkan.</p> <p>Penyelidikan dan inovasi ditingkatkan sebanyak 10% pada tahun 2015.</p>	

## Objektif

### 2. Meningkatkan penglibatan wanita dalam pemuliharaan alam sekitar.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
<p><b>2.1.</b> Menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi yang menghalang penglibatan wanita dalam pemuliharaan alam sekitar.</p>	<p><b>2.1.1</b> Meningkatkan bilangan wanita golongan profesional dan teknikal dalam sistem dan proses kawalan pemuliharaan alam sekitar di peringkat pembuat keputusan, perancangan, pengurusan, penguatkuasaan dan penasihat.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Meningkatkan peluang pengupayaan golongan wanita dalam bidang pemuliharaan alam sekitar melalui pendidikan dan latihan.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Memantapkan sistem penempatan dan peluang kenaikan pangkat untuk wanita menyandang jawatan yang setimpal dengan kemahiran dan kepakaran mereka.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Penglibatan wanita dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar meningkat.</p> <p>Peratusan wanita menjawat jawatan penting dalam bidang pengurusan kawalan alam sekitar meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• JAS</li> <li>• JPA</li> <li>• SPA dan semua Pihak Berkuasa Melantik</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• IPT</li> <li>• Sektor Swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi/ Pelaksana</b>
		<p><b>2.1.1.3</b> Menerapkan perspektif kesaksamaan gender dalam pelaksanaan pembangunan lestari.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Pembangunan lestari responsif gender dilaksanakan.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
<p><b>2.2</b> Meningkatkan sumbangan NGO wanita dalam pemuliharaan alam sekitar.</p>	<p><b>2.2.1</b> Menggalakkan perubahan dan memantapkan NGO fokus kepada wanita dan pemuliharaan alam sekitar.</p>	<p><b>2.2.1.1</b> Mengenal pasti NGO wanita yang berkaitan dan memberikan sokongan yang bersesuaian.</p> <p><b>2.2.1.2</b> Meningkatkan perkongsian antara NGO wanita yang berkaitan dan pihak kerajaan.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Penglibatan NGO wanita dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar meningkat.</p> <p>Program-program pemuliharaan alam sekitar lebih banyak dijalankan oleh NGO.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• NGO</li> </ul>



<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi/ Pelaksana</b>
<p><b>2.3.</b> Meningkatkan keupayaan wanita untuk terlibat dalam pemuliharaan alam sekitar.</p>	<p><b>2.3.1</b> Meningkatkan pengetahuan dan keupayaan wanita mengenai peri pentingnya pemuliharaan alam sekitar.</p>	<p><b>2.3.1.1</b> Mengajukan program meningkatkan keupayaan seperti bengkel, seminar, lawatan dan latihan.</p> <p><b>2.3.1.2</b> Mengajukan program kesedaran dalam bahasa / dialek tempatan.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Pengetahuan dan keupayaan wanita dalam pemuliharaan alam sekitar meningkat.</p> <p>Kepekaan terhadap pemuliharaan alam sekitar di kalangan wanita di pelbagai peringkat meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• JAS</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> <li>• NGO seperti Persatuan Pengguna, Persatuan Alam Sekitar dan Persatuan Wanita</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
	<p><b>2.3.2</b> Memastikan sekolah institusi pendidikan menganjurkan kursus dan aktiviti kurikulum yang menerapkan nilai pembangunan lestari.</p>	<p><b>2.3.2.1</b> Menyemak semula dan mengemas kini kursus berkaitan secara berperingkat dan berterusan untuk mengambil kira perkembangan semasa.</p> <p><b>2.3.2.2</b> Menyemak semula kurikulum dan kurikulum yang sedia ada bagi tujuan pemantapan.</p> <p><b>2.3.2.3</b> Meningkatkan keupayaan pengajar untuk menyampaikan nilai pembangunan</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p> <p>2009-2015</p>	<p>Kursus untuk menerapkan nilai pembangunan lestari dimantapkan.</p> <p>Kurikulum dan kurikulum dimantapkan.</p> <p>Pengetahuan remaja dalam pembangunan lestari meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• NRE</li> <li>• IPT</li> <li>• Institusi Penyelidikan</li> <li>• NGO</li> </ul>


Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
	<p><b>2.3.3</b> Menggalakkan penganjuran pendidikan dan latihan formal.</p>	<p>lestari dalam kurikulum dan kokurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi.</p> <p><b>2.3.3.1</b> Menggalakkan perkongsian bestari di kalangan pihak kerajaan, komuniti, NGO dan lain-lain dalam menganjurkan pendidikan dan latihan tidak formal.</p>	2009-2010	Bilangan wanita yang mengikuti pendidikan dan latihan formal meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KPT</li> <li>• NRE</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JPW</li> <li>• IPT</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>

## Objektif

### 3. Memperkasa wanita dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar serta pengurusan sumber asli.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
<p><b>3.1</b> Menjadikan wanita sebagai <i>role model</i> di peringkat keluarga, komuniti, masyarakat dan negara.</p>	<p><b>3.1.1</b> Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penglibatan wanita dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar serta sumber asli di rumah, tempat kerja dan komuniti.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Mempromosikan kesedaran mengubah gaya hidup selaras dengan prinsip perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar serta sumber asli.</p> <p><b>3.1.1.2</b> Meningkatkan kefahaman tentang impak negatif terhadap alam sekitar dan ancaman bencana alam.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kesedaran wanita tentang peranan mereka mengekalkan dan melindungi alam sekitar meningkat.</p> <p>Amalan cintakan alam sekitar meningkat di kalangan masyarakat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NRE</li> <li>• KPDNKK</li> <li>• KKM</li> <li>• KPKK</li> <li>• KPKT</li> <li>• khususnya PBT</li> <li>• KPWKM</li> <li>• JKM</li> <li>• NGO seperti Persatuan Pengguna, Persatuan Alam Sekitar dan Persatuan Wanita</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	Outcome	Agensi/ Pelaksana
		<p><b>3.1.1.3</b> Mempraktikkan amalan penggunaan lestari dan perubahan corak gaya hidup melalui perbelanjaan dan penggunaan berhemah.</p> <p><b>3.1.1.4</b> Mengenal pasti dan menyediakan latihan mengenai langkah-langkah khusus bagi wanita menghadapi ancaman bencana alam di samping meningkatkan kesedaran dan kepekaan bagi mengelakkan ancaman bencana alam (seperti banjir dan pendedahan bahan kimia berbahaya) termasuk menangani <i>post-trauma</i>.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p>	<p>Kesedaran untuk berbelanja berhemah di kalangan wanita meningkat.</p> <p>Penglibatan wanita dalam perkhidmatan sokongan kepada bencana alam meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor swasta</li> </ul>



# WANITA DAN SUKAN





## **X. WANITA DAN SUKAN**

Program pembangunan sukan adalah penting bagi mewujudkan budaya bersukan di kalangan rakyat Malaysia termasuk wanita selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan rakyat agar mengamalkan gaya hidup sihat serta mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping meningkatkan akses kepada kemudahan sukan dan riadah untuk wanita, pelaksanaan program pembangunan sukan hendaklah mengambil kira keperluan dan kemampuan wanita di pelbagai peringkat bagi memastikan penyertaan wanita dipertingkatkan dalam pelbagai aktiviti sukan dan riadah.

Sokongan kepada wanita dalam sukan perlu ditambah baik bagi menggalakkan wanita menceburi bidang sukan seperti menerusi pemberian peluang untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan. Dengan adanya lebih ramai wanita bergiat aktif dalam bidang sukan, bilangan atlet, jurulatih dan pegawai sukan wanita dapat dipertingkatkan. Selain itu, wanita kurang upaya juga perlu digalakkan untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan dan menyumbang ke arah pembangunan sukan di kalangan orang kurang upaya.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang sukan termasuk pengamalan gaya hidup sihat dan cergas seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### SEKTOR: WANITA DAN SUKAN

#### Objektif

1. Mempertingkatkan gaya hidup yang cergas, sihat dan aktif di kalangan wanita supaya dapat menyumbang kepada pembangunan organisasi keluarga yang positif.

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
1.1 Meningkatkan pengamalan hidup cergas, sihat dan aktif di kalangan wanita.	1.1.1 Membudayakan kecergasan dan rekreasi sebagai aktiviti yang menggembirakan untuk kanak-kanak perempuan di prasekolah dan sekolah rendah.	1.1.1.1 Memperbanyakkan aktiviti kecergasan dan rekreasi untuk mencungkil dan memupuk minat kanak-kanak perempuan dalam pelbagai bidang.	2009-2010	Peratusan kanak-kanak perempuan yang terlibat dalam aktiviti rekreasi meningkat sebanyak 5% setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• KKLW</li> <li>• KKM</li> <li>• KEMAS</li> <li>• JPNIN</li> <li>• JKJ</li> <li>• KBS</li> <li>• PBT</li> <li>• Sekolah swasta</li> <li>• NGO</li> </ul>

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>1.1.2</b> Memastikan pelajar perempuan di sekolah menengah terlibat secara aktif dalam pendidikan jasmani dan sukan.</p>	<p><b>1.1.2.1</b> Memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar perempuan di sekolah menengah yang cemerlang dalam aktiviti kecergasan dan rekreasi.</p>	2009-2010	<p>Lebih ramai pelajar perempuan dalam aktiviti kecergasan dan rekreasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPM</li> <li>• PIBG</li> <li>• Sekolah</li> <li>• KPWKM</li> </ul>
	<p><b>1.1.3</b> Memastikan semua pelajar wanita di institusi pengajian tinggi dan perguruan terlibat aktif sekurang-kurangnya satu jenis sukan.</p>	<p><b>1.1.3.1</b> Memberikan penghargaan kepada pelajar wanita di institusi pengajian tinggi dan perguruan yang cemerlang dalam sukan.</p>	2009-2010	<p>Lebih ramai pelajar IPT dan guru pelatih wanita bergiat aktif dalam bidang sukan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Institusi perguruan</li> <li>• KPWKM</li> </ul>
		<p><b>1.1.3.2</b> Penganjuran sekurang-kurangnya satu acara khusus bagi pelajar wanita seperti sukan wanita pada setiap tahun.</p>	2009-2013	<p>Sekurang-kurang 50% daripada IPTA mengadakan acara khusus untuk sukan wanita.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>1.1.4</b> Menggalakkan penyertaan wanita di peringkat komuniti, kelab dan swasta dalam aktiviti kesukanan.</p>	<p><b>1.1.4.1</b> Merancang dan melaksanakan latihan dan pertandingan sukan untuk pembangunan wanita di peringkat akar umbi yang memberi fokus kepada penyertaan dan keceriaan.</p>	2009-2010	Peratusan wanita di peringkat akar umbi menyertai aktiviti sukan meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• KPWKM</li> <li>• PBT</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• Persatuan dan kelab sukan</li> </ul>
		<p><b>1.1.4.2</b> Memastikan peraturan tidak membataskan penglibatan wanita dalam sukan seperti isu pakaian peserta wanita yang bersesuaian.</p>	2009-2010	Garis panduan pakaian peserta wanita dalam aktiviti sukan rasmi diwujudkan.	
		<p><b>1.1.4.3</b> Melaksanakan aktiviti sukan sebagai medium untuk menghindarkan wanita khususnya golongan remaja yang berisiko tinggi daripada</p>	2009-2010	Peratusan golongan remaja yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan meningkat.	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p>terlibat dalam gejala sosial.</p> <p><b>1.4.1.4</b> Memberikan penghargaan kepada wanita di peringkat komuniti, kelab dan swasta yang cemerlang dalam aktiviti kecergasan dan rekreasi.</p> <p><b>1.1.4.5</b> Memastikan sekurang-kurangnya satu acara khusus bagi wanita dalam sukan seperti sukan wanita setiap tahun di peringkat komuniti, kelab dan sektor swasta.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Lebih ramai wanita bergiat aktif dalam bidang sukan di pelbagai peringkat.</p> <p>Acara khusus sukan wanita di pelbagai peringkat diadakan.</p>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
<p><b>1.1.5</b> Meningkatkan bilangan penggiat melalui latihan khusus bagi wanita.</p> <p><b>1.1.6</b> Memastikan kemudahan infrastruktur sukan sesuai diguna dan selamat untuk wanita setiap masa dan perkhidmatan sokongan disediakan.</p>	<p><b>1.1.5.1</b> Menyediakan latihan yang konsisten sepanjang tahun.</p> <p><b>1.1.6.1</b> Menyediakan jadual tetap khusus untuk wanita di pusat sukan dan rekreasi bagi menggalakkan penglibatan wanita.</p> <p><b>1.1.6.2</b> Membina dan menyelenggara pusat sukan dan rekreasi supaya lebih peka gender.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Bilangan wanita sebagai instruktur/ penggiat sukan meningkat.</p> <p>Lebih ramai wanita menggunakan kemudahan di pusat-pusat sukan dan rekreasi.</p> <p>Akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• Persatuan dan kelab sukan</li> <li>• KBS</li> <li>• KPKT khususnya PBT</li> <li>• Sektor swasta</li> <li>• Persatuan dan kelab sukan</li> </ul>	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti Umum	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
		<p><b>1.1.6.3</b> Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk wanita seperti pusat jagaan kanak-kanak di pusat sukan dan rekreasi.</p>	2009-2015	Semua pusat sukan rekreasi menyediakan pusat penjagaan anak.	

## Objektif

### 2. Memperkasakan wanita untuk meningkatkan penglibatan dalam kepimpinan sukan di semua peringkat.

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>2.1</b> Meningkatkan bilangan wanita dalam semua peringkat kepimpinan dan pengurusan sukan.</p>	<p><b>2.1.1</b> Meningkatkan usaha melatih wanita dalam semua aspek seperti kepimpinan, pentadbiran, pengurusan, kepegawaian dan kejurulatihan, sains dan perkhidmatan sokongan untuk wanita.</p>	<p><b>2.1.1.1</b> Mengadakan sekurang-kurangnya satu kursus latihan bagi wanita dalam tempoh setahun dalam sekurang-kurangnya satu bidang.</p> <p><b>2.1.1.2</b> Meminda dasar dan peraturan yang boleh menghalang penglibatan wanita.</p>	<p>2009-2010</p> <p>2009-2013</p>	<p>Bilangan wanita yang terlatih dalam pelbagai aspek sukan bertambah.</p> <p>Dasar dan peraturan yang menghalang penglibatan wanita dalam bidang sukan dipinda.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• Persatuan dan kelab sukan</li> <li>• Sektor swasta</li> </ul>



<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
	<p><b>2.1.1.3</b> Menetapkan dan melaksanakan kuota sekurang-kurang 30% bagi penglibatan wanita dalam kepimpinan sukan di semua peringkat.</p>	<p><b>2.1.1.3</b> Menetapkan dan melaksanakan kuota sekurang-kurang 30% bagi penglibatan wanita dalam kepimpinan sukan di semua peringkat.</p>	2009-2015	Sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita dalam kepimpinan sukan di semua peringkat.	
	<p><b>2.1.2</b> Memastikan pengurusan atlet / peserta memabitkan pegawai wanita.</p>	<p><b>2.1.2.1</b> Mewujudkan kod etika khusus bagi pegawai-pegawai yang berurusan dengan atlet / peserta wanita.</p>	2009-2010	Kod etika mengenai pengurusan atlet / peserta wanita diwujudkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• KPWKM</li> </ul>
		<p><b>2.1.2.2</b> Memastikan kod etika diterima pakai oleh semua pegawai yang terlibat dalam sukan di semua peringkat.</p>	2009-2010	Kes-kes gangguan seksual ke atas atlet / peserta wanita ditangani dengan	

Objektif Khusus	Strategi	Aktiviti	Tempoh	Outcome	Agensi Pelaksana
	<p><b>2.1.3</b> Memperluaskan jaringan kerja antara wanita dalam semua peringkat kepimpinan dan pengurusan sukan.</p>	<p><b>2.1.3.1</b> Mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti (<i>head hunt</i>) wanita yang berkecayaan dan berpengalaman untuk menjadi pemimpin pelapis di semua peringkat.</p>	2009-2010	berkesan. Profil wanita yang berpotensi menjadi pemimpin pelapis di semua peringkat diwujudkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• Persatuan dan kelab sukan</li> <li>• Pakar-pakar dalam bidang sukan</li> </ul>
	<p><b>2.1.3.2</b> Membangunkan pangkalan data mengenai kepimpinan wanita dalam sukan di semua peringkat.</p>	<p><b>2.1.3.2</b> Membangunkan pangkalan data mengenai kepimpinan wanita dalam sukan di semua peringkat.</p>	2009-2013	Pangkalan data mengenai wanita yang berpotensi menjadi pemimpin dalam bidang sukan dibangunkan.	

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
		<p><b>2.1.3.3</b> Meningkatkan program-mentor dan sangkutan di kalangan wanita dalam semua peringkat kepimpinan dan pengurusan sukan.</p>	2009-2013	<p>Lebih ramai wanita terlatih menjadi pemimpin dan pengurus sukan.</p>	

## Objektif

### 3. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menggiatkan penglibatan wanita dalam bidang sukan.

<b>Objektif Khusus</b>	<b>Strategi</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Outcome</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>
<p><b>3.1</b> Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan berhubung penglibatan wanita dalam bidang sukan.</p>	<p><b>3.1.1</b> Memastikan penyebaran perkongsian penyelidikan dan penganalisan mengenai wanita dalam sukan dalam semua aspek khususnya di peringkat akar umbi.</p>	<p><b>3.1.1.1</b> Mengadakan penyelidikan mengenai wanita dalam sukan dari semua aspek sekurang-kurangnya satu penyelidikan berkaitan setiap tahun.</p>	<p>2009-2010</p>	<p>Sekurang-kurangnya 1 penyelidikan dijalankan setahun sebagai input kepada penggubalan program dan dasar berkaitan pembangunan sukan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KBS</li> <li>• KPT</li> <li>• KPM</li> <li>• IPT</li> <li>• Institut perguruan</li> <li>• Institusi penyelidikan Sektor swasta</li> </ul>